



**SYAZA** berasa tertekan selepas mengetahui kekasihnya curang di belakangnya apabila menjalin hubungan dengan wanita lain. – GAMBAR HIASAN

# Harapan tinggi ibu buat mental tertekan

**JIKA** dilihat dari penampilan luaran, Syaza (bukan nama sebenar) kelihatan sama seperti wanita lain seusianya, namun siapa sangka anak kelahiran negeri di Utara tanah air itu sudah berulang kali dimasukkan ke wad psikiatri kerana tertekan akibat kelakuan keluarga sendiri.

Berperang dengan tekanan yang teruk sememangnya mencabar, apatah lagi apabila dia disahkan menghidap masalah mental *Major Depressive Disorder* (MDD) dan terpaksa melaluinya seorang diri.

Menurut wanita berusia 23 tahun itu, keluarganya marah dan kecewa apabila mendapat tahu dia menghidap masalah mental, seolah-olah penyakit itu merupakan sesuatu yang dirancangnya.

"Saya sama sekali tidak menyangka ibu sendiri tergamak menggelar saya anak yang menyusahkan dan membebankan keluarga.

"Ayah juga kerap memarahi saya, lebih-lebih lagi apabila saya memberitahu saya tertekan dan menganggap saya mengada-ngada," luah Syaza.

Ujar wanita berkulit kuning langsung itu, episod tekanannya bermula sejak di bangku sekolah, apabila ibunya kerap membandingkan keputusan peperiksaannya dengan dua orang sepupu seusianya.

"Anak kepada pak long dan juga mak lang sebaya dengan saya dan kami sering dibanding-bandingkan.

"Apabila keputusan saya teruk, saya sering diperlekehkan dan dianggap tidak akan berjaya.

"Ketika itu saya sudah mula tertekan, namun tidak faham apa itu masalah mental sehinggalah tekanan itu berlarutan ke peringkat universiti," katanya.

Syaza kemudian diterima masuk ke sebuah pusat pengajian tinggi di negeri Selangor dalam jurusan Pentadbiran Awam.

Ketika itu, dia semakin tertekan kerana ibunya sering memaksa Syaza untuk menghabiskan masa lapang dengan mengulang



**AKIBAT menerima tekanan berterusan daripada keluarga yang mahukan Syaza cemerlang dalam pelajaran, akhirnya wanita itu menghadapi tekanan perasaan.** — GAMBAR HIASAN

kaji sehingga wanita itu tiada masa untuk diri sendiri.

Lebih memburukkan keadaan, Syaza berkenalan dengan rakan sekelas, Razak (bukan nama sebenar) yang kemudiannya menjadi teman lelakinya.

"Saya bercinta dengan Razak, namun bahagia kami cuma seketika apabila Razak mulai curang dan banyak menghabiskan wang saya, menyebabkan saya semakin tertekan.

"Sudahlah saya sering dipaksa ibu untuk cemerlang dalam pelajaran, hati pula

dipermainkan Razak, menyebabkan saya cuba mencederakan diri sendiri," katanya berterus terang.

Mujur ketika dia cuba mencederakan diri, rakan sebilikinya berjaya menyelamatkan Syaza dan dia dihantar ke hospital.

Selepas mendapat tahu perkara itu, ibu dan bapa Syaza bukan sahaja tidak mempedulikan wanita itu, malah dia dituduh sengaja melakukan perkara sedemikian kerana mencari perhatian serta bersikap mengada-ngada.

Akibat terlalu tertekan, Syaza terpaksa menagguhkan pengajian buat sementara waktu dan perkara itu membuatkan ibu dan bapanya bertambah berang.

"Mereka menuduh saya sengaja mahu berehat dan enggan menyambung pengajian.

"Bapa amat marah kerana sepupu yang lain sudah tamat pengajian dan mulai bekerja, sementara saya pula masih bergelar seorang pelajar.

"Tiada siapa pun faham atau peduli tentang keadaan mental saya yang betul-betul tidak kuat untuk berdepan dengan kuliah yang amat membebankan," katanya yang banyak menghabiskan masa sendirian di kolej kediaman.

Kini, Syaza hanya mampu berdoa agar kedua-dua ibu bapanya faham tentang masalah mental yang dialaminya dan tidak menghukum dia sebegitu rupa.